



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 19 MAC 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	ALARM OVER DEATH OF PIGS IN SABAH DUE TO SWINE FEVER, NEWS IN BRIEF, NST -12 PESARA GURU DIDAKWA CEDERA 'SI TOMPOK', LOKAL, HM -21 PESARA MENGAKU TIDAK BERSALAH CEDERAKAN KUCING, DALAM NEGERI, UM -29	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4. 5. 6. 7.	MAFI PERUNTUK RM21 JUTA BANTU USAHAWAN MUDA SEAWAL USIA 18 TAHUN, NASIONAL, SH -15 RM21 JUTA PEMBIAYAAN AGRO-YES UNTUK ANAK MUDA, UTUSAN BORNEO -ONLINE MAFI PERUNTUK RM21 JUTA BAGI AGRO-YES, HM -ONLINE RM21 JUTA PEMBIAYAAN AGRO YES UNTUK ANAK MUDA, BERNAMA -ONLINE	AGROBANK

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2021	NST	NEWS IN BRIEF	12

Alarm over death of pigs in Sabah due to swine fever

KOTA KINABALU: The spread of African Swine Fever (ASF) in the state might threaten the survival of the Bornean bearded pig. Deputy Chief Minister Datuk Seri Dr Jeffrey Kitin-gan said to date, there were at least 128 confirmed deaths involving the species. The population of the Bornean bearded pig has been declining. "I am concerned the African Swine Flu will decrease their population faster," he said. Jeffrey, who is state agriculture and fisheries minister, had directed the Department of Veterinary Services (DVS) to convene an urgent steering committee meeting to coordinate efforts to control and eradicate ASF in the state. The first meeting, chaired by state DVS director Dr Peter Lee, was held on Tuesday.

Pesara guru didakwa cedera 'Si Tompok'

Georgetown: Seorang pesara guru mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Georgetown di sini, semeny malam atas pertuduhan mencederakan seekor kucing, November tahun lalu.

Tertuduh, Cosmos Chong Say Hun, 79, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Mazdi Abdul Hamid.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa secara tidak munasabah memaling besi tajam sepanjang 1.06 meter (3.5 kaki) hingga mencederakan dan menyebabkan penderitaan ke atas seekor kucing betina berwarna putih tompok hitam.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu di halaman rumah bernombor 16, Lengkok Tembaga, Island Park di sini, pada jam 6.40 petang, 15 November tahun lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 29 (1) (e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 29 (1) akta sama.



Sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih daripada RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Negeri, Roziman Awang Tahrin manakala tertuduh diwakili peguam Simon Murali.

Tertuduh dibebaskan tanpa dikenakan wang jaminan dan mahkamah menetapkan 19 April depan untuk sebutan semula kes.

CHONG dikenakan pertuduhan mencederakan seekor kucing betina berwarna putih tompok hitam (gambar kecil) pada November tahun lalu.

Pesara mengaku tidak bersalah cederakan kucing

Oleh SAFINA RAMLI
utusannews@medianusa.com.my

GEORGETOWN: Pesara guru mengaku tidak bersalah atas pertuduhan mencederakan seekor kucing betina dengan menggunakan sebatang besi ketika dihidangkan di Mahkamah Sesyen, di sini semalam.

Tertuduh, Cosmos Chong Say Hun, 79, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan ke atasnya di hadapan Hakim Mazdi Abdul Hamid.

Mengikut pertuduhan, Say Hun didakwa secara tidak munasabah membalak sebatang besi tajam sepanjang 3.5 kaki hingga menyebabkan penderitaan yang tidak sepatutnya kepada seekor kucing betina baka tempatan berwarna putih dan bertompok hitam.

Tertuduh didakwa melakukan perbuatan itu kira-kira pukul 6.40 petang pada 15 November lalu di halaman rumah bernombor 16, Lengkok Tembaga, Island Park di sini.

Perbuatan tersebut didakwa mengikut Subseksyen 29(1)(a) Akta Kebejikan Haiwan 2015 (Akta 772) yang jika sabit kesalahannya boleh didenda antara RM20,000 hingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-dua-dua sekali.

Kes dikendalikan oleh Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar negeri, Roziman Awang Tahrin manakala tertuduh diwakili peguam, Simon Murali.

Tertuduh dibebaskan tanpa dikenakan wang jaminan manakala tarikh sebutan semula

ditetapkan pada 19 April.

Kucing yang didakwa diceritakan oleh warga berke-
naan turut dibawa ke mahkamah

semalam dan difahamkan kucing betina berkepaan yang diberi nama *Baby* kini lumpuh.

Sebelum ini, tular dalam me-

dia sosial mengenai tindakan seorang warga emas yang mencederakan seekor kucing dengan menggunakan sebatang besi.

Dia dikatakan bertindak demikian kerana berang selepas mendakwa kucing berkenaan mengotori laman rumahnya.



KUCING betina yang diberi nama 'Baby' yang kini lumpuh akibat diceritakan seorang guru turut dibawa ke Mahkamah Sesyen Georgetown, Pulau Pinang, semalam.

MAFI peruntuk RM21 juta bantu usahawan muda seawal usia 18 tahun

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan sebanyak RM21 juta pembiayaan melalui Skim Usahawan Muda (Agro-YES).

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee berkata, kemudahan pembiayaan khususnya itu disasarkan kepada usahawan muda.

“Produk ini bertujuan membantu mereka mendapatkan pembiayaan pertanian bagi projek pengembangan seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri makanan,” katanya pada sidang akhbar selepas melancarkan Agro-YES di Kementerian pada Khamis.

Hadir sama Timbalan Menteri I, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Setiausaha, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Menurutnya, Agro-YES boleh dimohon oleh usahawan pertanian berumur 18 hingga 40 tahun yang telah menjalankan projek pertanian dan beroperasi lebih 12 bulan.

“Setiap permohonan layak mendapat pembiayaan sehingga RM500,000 melalui Agrobank dengan kadar faedah



FOTO: BERHAWA

dan pembiayaan berjumlah RM23 juta,” katanya.

Ditanya mengenai jumlah peruntukan RM21 juta, beliau berkata, sekiranya dana berkenaan telah habis dimohon, kementerian tidak teragak-agak membuat permohonan baharu kepada Kementerian Kewangan (MOF).

“Tiada halangan untuk kita kemuka permohonan dana kepada MOF kerana ia memberi manfaat kepada anak muda,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Agrobank, Datuk Mustapha Buang berkata, usaha Agrobank dalam menggerakkan dan memajukan sektor pertanian negara sentiasa menjadi keutamaan Agrobank.

“Dalam memakmurkan sektor pertanian di Malaysia, pelbagai usaha telah dijalankan bagi merealisasikan hasrat ini.

“Menerusi pelancaran produk, Agrobank bertarap pembiayaan ini akan dapat membantu golongan muda menceburi permagangan berasaskan agro sekali gus menjana pendapatan yang progresif, berdaya saing, kreatif dan inovatif,” kata beliau.

Ronald Kiangdee (tengah) menyaksikan penyerahan Pembiayaan Agro-Youth Entrepreneur Scheme (Agro-Yes) oleh Haslina (kanan) kepada Penanggung Tugasan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar (kiri) pada majlis pelancaran tersebut di MAFI pada Khamis.

minimum iaitu dua peratus setahun,” katanya.

Beliau berkata, Agro-YES telah dijenamakan semula daripada Pembiayaan Khas Agropreneur Muda yang melalui proses penambahbaikan.

“Antaranya mengurangkan

birokrasi dalam rantaian permohonan dan pengurangan tempoh masa pemrosesan daripada dua bulan kepada 14 hari,” katanya.

Ronald berkata, MAFI sentiasa berusaha untuk menggalakkan penyertaan golongan

muda dalam sektor pertanian dan menjadikannya sebagai industri progresif serta berdaya saing.

“Pada tahun lalu MAFI telah berjaya meningkatkan penglibatan 1,159 golongan muda dengan bantuan geran

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

RM21 juta pembiayaan Agro-YES untuk anak muda



Ronald menyaksikan penyerahan Pembiayaan Agro-YES oleh Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid (kanan) kepada Penanggung Tugas Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar (kiri) pada majlis pelancaran tersebut di MAFI hari ini. - Gambar Bernama

Ronald menyaksikan penyerahan Pembiayaan Agro-YES oleh Ketua Setiausaha MAFI Datuk Haslina Abdul Hamid (kanan) kepada Penanggung Tugas Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar (kiri) pada majlis pelancaran tersebut di MAFI hari ini. - Gambar Bernama

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM21 juta bagi Agro-Youth Entrepreneur Scheme (Agro-YES) yang menawarkan pembiayaan sehingga RM500,000

untuk anak muda dalam bidang keusahawanan pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee berkata Agro-YES, yang merupakan penjenamaan semula Pembiayaan Khas Agropreneur Muda yang diuruskan Agrobank, ditambah baik antaranya pengurangan birokrasi dalam rantaian permohonan dan tempoh masa pemrosesan.

Sebelum ini, katanya semua permohonan bagi pembiayaan perlu melalui jabatan atau agensi di bawah MAFI untuk sokongan sebelum dikemukakan kepada Agrobank.

"Dengan penambahbaikan sekarang, permohonan boleh terus dibuat kepada Agrobank. Tempoh pemrosesan juga dipendekkan kepada 14 hari berbanding dua bulan sebelum ini," katanya kepada media selepas melancarkan Agro-YES, di sini hari ini.

Ronald berkata pembiayaan di bawah Agro-YES itu melibatkan pembayaran balik sehingga tujuh tahun dengan kadar faedah dua peratus.

Pada tahun lepas, katanya penglibatan golongan muda untuk mendapatkan geran dan pembiayaan adalah seramai 1,159 orang dengan jumlah RM23 juta berbanding hanya 764 orang dengan jumlah RM13.7 juta pada 2019.

"Kita ingin melihat anak muda berumur 18 tahun hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian bukan hanya peladang, penternak tetapi dalam rantaian industri keseluruhannya," katanya.

Ditanya perkembangan cadangan skim insurans untuk penggiat industri pertanian dan agromakanan, Ronald berkata perkara itu masih dalam perbincangan dan Agrobank dipertanggungjawabkan untuk mengolah satu bentuk polisi yang sesuai.

Elemen insurans, kata beliau menjadi satu keperluan untuk pemain industri melihat sektor agromakanan negara dikembangkan sepenuhnya.

Ronald sebelum ini dilaporkan berkata skim insurans itu dilihat perlu kerana punca pendapatan para petani sering terjejas disebabkan bencana alam saban tahun. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/3/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

MAFI peruntuk RM21 juta bagi Agro-YES



Putrajaya: Berita baik apabila Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM21 juta bagi Agro-Youth Entrepreneur Scheme (Agro-YES) yang menawarkan pembiayaan sehingga RM500,000 untuk anak muda dalam bidang keusahawanan pertanian.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kiandee berkata, Agro-YES, yang melalui penjenamaan semula Pembiayaan Khas Agropreneur Muda diuruskan Agrobank, ditambah baik antaranya pengurangan birokrasi dalam rantaian permohonan dan tempoh masa pemprosesan.

"Sebelum ini semua permohonan bagi pembiayaan perlu melalui jabatan atau agensi di bawah MAFI untuk sokongan sebelum dikemukakan kepada Agrobank.

"Dengan penambahbaikan sekarang, permohonan boleh terus dibuat kepada Agrobank. Tempoh pemprosesan juga dipendekkan kepada 14 hari berbanding dua bulan sebelum ini," katanya kepada media selepas melancarkan Agro-YES, di sini, tadi.

Ronald berkata pembiayaan di bawah Agro-YES itu membabitkan pembayaran balik sehingga tujuh tahun dengan kadar faedah dua peratus.

Pada tahun lalu pembabitan golongan muda untuk mendapatkan geran dan pembiayaan adalah seramai 1,159 orang dengan jumlah RM23 juta berbanding hanya 764 orang dengan jumlah RM13.7 juta pada 2019.

"Kita ingin melihat anak muda berumur 18 tahun hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian bukan hanya peladang, penternak tetapi dalam rantaian industri keseluruhannya," katanya.

Ditanya perkembangan cadangan skim insurans untuk penggiat industri pertanian dan agromakanan, Ronald berkata perkara itu masih dalam perbincangan dan Agrobank dipertanggungjawabkan untuk mengolah satu bentuk polisi yang sesuai.